

**From:** UUM CORPORATE COMM.  
**Sent:** Sabtu, 6 Mac 2021 7:07 ptg  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** TIGA SUBJEK DAN 1 SUBJEK UTAMA MELONJAK SERTA 1 TERSENARAI DALAM QSWUR BY SUBJECT 2021



**UUM Corporate Comm.**  
**Universiti Utara Malaysia**

6 MAC 2021 / 22 REJAB 1442H  
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee  
Gambar oleh: CIG, UUM Corporate Communication

**TIGA SUBJEK DAN 1 SUBJEK UTAMA MELONJAK SERTA 1 TERSENARAI DALAM QSWUR BY SUBJECT 2021**



**UUM ONLINE:** Kedudukan UUM terus melonjak naik apabila tiga subjek telah menunjukkan peningkatan dalam QS World University Rankings (QSWUR) by Subject 2021 berbanding tahun sebelumnya.

Subjek tersebut ialah Accounting and Finance dari 251-300 ke 201-250; Business and Management Studies dari 251-300 ke 201-250 dan Economics and Econometrics dari 351-400 ke 301-350.

Turut meningkat ialah subjek utama, Social Science and Management dari 401-450 ke tangga 340, manakala 1 subjek lagi telah disenaraikan iaitu Computer Science and Information System di tangga 601-650.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, beliau berasa gembira di atas pencapaian UUM dalam QS World University Rankings by Subject yang meningkat dari tahun demi tahun itu.

Menurutnya, ini adalah satu pencapaian yang hebat hasil kerja keras semua warga universiti untuk memartabatkan UUM dan ia juga merupakan hasil Pelan Strategik UUM yang telah memasuki Fasa 3 (2021-2025).

"Saya berharap momentum ini akan dapat dikekalkan dan dipertingkatkan lagi pada masa akan datang agar UUM terus gah di persada antarabangsa, seiring dengan cogan kata 'We Are Global'," katanya.

Pada tahun ini sebanyak 1,453 institusi seluruh dunia berjaya menduduki *ranking* secara keseluruhannya dengan sebanyak 81 juta sitasi (citation) diterbitkan.

Dalam edisi terbaru ini, sebanyak 51 subjek disenaraikan dan dikelompokkan dalam lima bidang utama iaitu Art and Humanities; Life Science and Medicine; Natural Science; Social Science and Management serta Engineering and Technology.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.